


LAPORAN TAHUNAN 2009

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar



PRAKATA



"Dengan pengetahuan dan pendedahan yang meluas masyarakat akan memberi lebih komitmen untuk memulihara alam sekitar"

Denerbitan Laporan Tahunan 2009 adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2009. Ia juga merupakan aras penilaian keberkesanan tugas-tugas yang telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Jabatan ini. Dengan adanya Laporan Tahunan 2009 semoga langkah-langkah yang lebih proaktif dapat diambil bagi menjamin pembangunan mampan dan lestari disamping meningkatkan lagi kualiti alam sekitar Malaysia umumnya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya.

Pada tahun 2009, bilangan kakitangan di semua bahagian dalam Jabatan terus bertambah selaras dengan keperluan program dan aktiviti penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk mengawal dan mencegah pencemaran serta meningkatkan kualiti alam sekeliling. Aktiviti penguatkuasaan yang merupakan tugas utama Jabatan Alam Sekitar tidak dapat menjamin keberkesanan usaha pemuliharaan alam sekitar sekiranya tidak disokong oleh aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar. Oleh itu, program dan aktiviti pendidikan dan kesedaran alam sekitar juga ditingkatkan untuk memberi pendedahan kepada orang awam mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dan menerapkan nilai-nilai murni dan mesra alam sekitar di kalangan warga kota terutamanya. Dengan pengetahuan dan pendedahan yang meluas masyarakat akan memberi lebih komitmen untuk memulihara alam sekitar dan ini dapat mengurangkan ketidakpatuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Secara tidak langsung, alam sekitar dapat dipelihara dan keberterusannya dapat dikekalkan.

Kerjasama semua pihak termasuk orang awam diharap dapat membantu dalam meningkatkan kualiti alam sekitar dan menjamin kesejahteraan alam sekitar kita sepanjang masa.

Terima kasih.

TENGGU BAKRY SHAH TENGGU JOHAN

Dengarah

Jabatan Alam Sekitar

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

BAB TIGA

- Pemprosesan Laporan EIA 17
- Program Penguatkuasaan EIA 17
- Kebenaran bertulis Bahan Api dan Kawalan 18
- Penilaian Awal Tapak (PAT) 19
- Status Kualiti Alam Sekeliling 20
- Kualiti Air Sungai 20
- Kualiti Air Tanah 23
- Kualiti Air Udara 25
- Aktiviti Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar 26
- Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) 27
- Rakan Alam Sekitar 28



• PRAKATA

i



Kandungan



BAB DUA

- Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan 12
- Kawalan Pengurusan Refrigeran 12
- Kawalan Kandungan Petrol Dan Lesen 12
- Penyediaan Buku Log Pelepasan Gas Kenderaan 13
- Penguatkuasaan Bunyi Bising Motorsikal 13
- Penguatkuasaan Bunyi Bising Kereta 13
- Kawalan Pelepasan Gas Daripada Motorsikal 14
- Aduan 14
- Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka 16



BAB SATU

- Struktur Organisasi 1
- Perjawatan 2
- Peruntukan Kewangan 3
- Kutipan Hasil 3

BAB DUA

- Tindakan Penguatkuasaan 4
- Tindakan Undang-Undang : Premis Perindustrian 8
- Program Awasi Dan Statik 9
- Operasi Catat (Ops Catat) / Video Kamera 9
- Operasi Bersepadu 10
- Notis Amaran Semula 10
- Uji Semula 10
- Kawalan Pelepasan Asap Di Perhentian Bas Awam 11
- Kawalan Pelepasan Gas Kenderaan Berenjin Petrol 11


BAB 1

BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



STRUKTUR ORGANISASI

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2009, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima Waran Perjawatan baru dengan 101 anggota diluluskan sehingga kini. Struktur bahagian-bahagian Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri dari Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Bahagian Operasi dan Bahagian Pembangunan. Carta Organisasi adalah seperti di **Rajah 1.1**.



PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2009, JAS WPKL telah mempunyai 94 anggota daripada 101 perjawatan yang diluluskan. Pecahan jawatan adalah seperti di **Jadual 1.1**.


Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Kakitangan	Isi	Kosong
1	Pengarah (Pegawai Kawalan)	C54	1	1	0
2	Ketua Penolong Pengarah (Pegawai Kawalan)	C48	2	2	0
3	Pegawai Kawalan	C44	3	3	0
4	Pegawai Kawalan	C41	9	6	3
5	Pen. Pegawai Kawalan Tinggi	C38	1	1	0
6	Pen. Pegawai Kawalan Kanan	C32	10	10	0
7	Pen. Pegawai Kawalan Biasa	C27	22	19	3
8	Juruteknik Tertinggi	J26	1	1	0
9	Juruteknik Kanan	J22	9	8	1
10	Juruteknik Biasa	J17	22	22	0
11	Penolong Pegawai Tadbir Kanan	N32	1	1	0
12	Pen. Pegawai Sistem Maklumat	F29	1	1	0
13	Pembantu Tadbir	N17	2	2	0
14	Pembantu Akauntan	W17	2	2	0
15	Pembantu Tadbir Kesetiausahaan	N17	1	1	0
16	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	4	4	0
17	Operator Mesin Proses Data	F11	2	2	0
18	Pembantu Am Rendah	N1	1	1	0
19	Pemandu Kenderaan Bermotor	R3	7	7	0
<i>Jumlah Perjawatan</i>			101	94	7

Jadual 1.1 :
Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Perjawatan Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur, 2009



PERUNTUKAN KEWANGAN

Bagi tahun 2009, sebanyak RM 4,460,900.00 peruntukan telah diterima daripada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat. Sebanyak RM 4,445,900.00 adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM 15,000.00 untuk perbelanjaan pembangunan.



KUTIPAN HASIL

Tahun 2009 menyaksikan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengalami penurunan kutipan hasil berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 52.96 % atau RM 410,540.75. Jika dalam tahun 2008 sebanyak RM 775,145.75 berjaya dikutip daripada aktiviti kompaun, bayaran memproses permohonan dan jualan buku terbitan Jabatan Alam Sekitar, namun dalam tahun 2009 hanya RM 364,605.00 sahaja dapat dikutip. Pecahan kutipan hasil 2009 adalah seperti **Jadual 1.2**.

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
76199	Pelbagai Bayaran Hukuman	341,405.00
71408	Proses Lesen Permohonan	4,200.00
73199	Jualan Barang Cetak Yang Lain	300.00
73301	Jualan Harta Benda Kerajaan	18,700.00
JUMLAH		RM 364,605.00

Jadual 1.2

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Pungutan Hasil Mengikut Aktiviti Bagi Tahun 2009

**Go
GREEN!**

BAB 2

BAHAGIAN OPERASI



TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Program Penguatkuasaan Ke Atas Premis Yang Bukan Ditetapkan

Bagi tahun 2009, program penguatkuasaan yang dilaksanakan bukan sahaja tertumpu kepada kategori industri yang bermasalah tetapi juga kepada loji-loji rawatan sisa kumbahan, bengkel-bengkel kenderaan dan punca-punca yang menjana bahan-bahan buangan terjadual (buangan toksik dan berbahaya). Program penguatkuasaan difokuskan kepada pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Jumlah punca-punca pencemaran yang telah dikenalpasti dan berjaya direkodkan pada tahun ini adalah sebanyak 1557 punca.

Pelaksanaan program penguatkuasaan tersebut terus dimantapkan dengan Program Kesedaran iaitu Seminar Pengendalian dan Pengurusan Buangan Terjadual Dalam Sektor Automotif. Seminar telah diadakan pada 27 Oktober 2009 dan dihadiri oleh 37 orang peserta yang terdiri daripada pemilik dan operator bengkel kenderaan. Di samping itu, semua aktiviti dan tindakan penguatkuasaan boleh dipantau melalui Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS). Pihak Jabatan juga sedang berusaha untuk mencapai sasaran pematuhan 100 % pada tahun 2010.

Pada tahun 2009 juga, hasil pemantauan yang berterusan dan tindakan tegas Jabatan, beberapa premis yang mempunyai sistem pengolahan effluen yang bermasalah telah berjaya meningkatkan kecekapan sistem rawatan effluen masing-masing. Pihak premis juga telah memberikan kerjasama dan kesungguhan untuk mengatasi masalah mereka. Hasilnya, effluen yang dirawat telah dapat mematuhi Standard B, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979.

Lawatan Pemeriksaan dan Penguatkuasaan Premis Industri

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 721 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan. Selain daripada premis-premis perindustrian, lawatan penguatkuasaan juga dijalankan ke atas loji-loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. loji rawatan kumbahan swasta dan loji pembancuh konkrit. Sepertimana tahun 2008, program pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi tahun 2009 ditumpukan ke atas punca-punca pengeluar effluen dan kumbahan yang bermasalah serta terhadap punca-punca pengeluar buangan terjadual terutamanya pengusaha bengkel kenderaan. Hasil daripada program yang telah dilaksanakan, didapati status pematuhan premis-premis terhadap kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya adalah seperti berikut:

- (i) Sebanyak 97.50 % pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978;
- (ii) Sebanyak 39.38 % pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979; dan
- (iii) Sebanyak 39.81 % pematuhan kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

Status pematuhan di atas dengan merujuk kepada jenis industri yang terlibat adalah seperti ditunjukkan dalam **Jadual 2.1**.



BIL.	JENIS INDUSTRI	BIL. LAWATAN	PPKAS (Udara Bersih) 1978		PPKAS (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979			PPKAS (Buangan Terjadual) 1989			Pindah / Tutup
			Patuh	Tidak Patuh	Patuh	Tidak Patuh	Tidak Tertakluk KEEP 79	Patuh	Tidak Patuh	Tidak Tertakluk PBT 89	
1	Hospital/Klinik	43	39	4	5	-	38	34	8	1	4
2	Asas Kimia	10	10	-	5	-	5	3	4	3	3
3	Asas Logam	43	42	1	10	2	31	13	3	27	19
4	Asas Getah	6	6	-	1	-	6	2	1	3	3
5	Plastik	14	14	-	4	-	10	6	-	8	8
6	Bengkel	188	184	4	48	1	139	132	20	36	54
7	Elektrik dan Elektronik	14	14	-	4	-	10	7	-	7	6
8	Kayu / Kilang Papan	29	28	1	1	-	28	6	-	23	16
9	Asas Cetak (Kertas/Plastik)	29	28	1	6	-	23	15	4	10	11
10	Foundry	3	3	-	-	-	3	1	-	2	2
11	Makanan dan Minuman	36	34	2	20	2	14	8	-	28	5
12	Konkrit/ Simen/ 'Batching Plant'	20	20	-	8	-	12	8	-	12	16
13	Tekstil	11	11	-	4	-	7	4	-	7	5
14	Tanah dan Batu/ Seramik/Kuari	9	9	-	1	-	8	1	-	8	8
15	Pengangkutan Buangan Terjadual	4	4	-	1	-	3	3	-	1	3
16	Loji Kumbahan	148	143	5	143	5	-	148	-	-	16
17	Stesen Minyak	17	17	-	9	-	8	10	-	7	10
18	Gudang	36	36	-	3	-	33	7	-	29	28
19	Pelupusan Sampah	0	-	-	-	-	-	-	-	-	-
20	Perabot	0	-	-	-	-	-	-	-	-	-
21	Perikanan	0	-	-	-	-	-	-	-	-	-
22	Hotel	5	3	2	-	-	5	4	-	1	-
23	Lain-Lain	56	53	3	12	1	43	23	3	30	23
JUMLAH		721	703	18	284	11	426	287	43	524	230
PERATUS PEMATUHAN			97.50	2.49	39.38	1.52	59.08	39.81	5.96	72.68	31.90

Jadual 2.1

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Status Pematuhan Kepada Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling 1974 Mengikut Jenis Industri Dan Bilangan Lawatan Penguatkuasaan, 2009

Program Penguatkuasaan Ke Atas Punca-Punca Buangan Terjadual

Pada tahun 2009, program kawalan terhadap pengeluaran dan pengurusan buangan yang dikategorikan sebagai buangan terjadual telah dijalankan dengan memberi penumpuan bagi mengenalpasti punca-punca baru dan mengemaskini senarai inventori pengeluar buangan terjadual sedia ada. Kawalan juga telah dilakukan terhadap kontraktor-kontraktor pengangkut buangan terjadual yang telah dilesenkan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual), 2005. Berdasarkan kepada inventori terkini, terdapat 789 punca pengeluar buangan terjadual dan sebelas (11) kontraktor yang diberi lesen untuk mengangkut buangan terjadual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Senarai kontraktor tersebut adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Bil	Nama Kontraktor	Kategori Buangan Terjadual Yang Diangkut	Kod Buangan Terjadual
1.	Ban Soon Lee Enterprise	Minyak Enjin Terpakai	SW 305
2.	Chan Siew Khee	Minyak Enjin Terpakai	SW 305
3.	Sing Soon Enterprise	Minyak Enjin Terpakai	SW 305
4.	Teh Teoh Keng	Minyak Enjin Terpakai	SW 305
5.	Shah Latif Sdn. Bhd.	Abu Pembakaran (Ash)	SW 406
		Buangan Sisa Berminyak	SW 312
		Sisa Larutan Saduran	SW 422
		Sisa Larutan Tidak Mengikut Spesifikasi Enapcemar Dari Sistem Pengolahan Effluen	SW 322
		Enapcemar Panel	SW 204
		Mangkin Terpakai	SW 104
		Dros Aluminium	SW 202
6.	Bayu Quantum Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik	SW 104
7.	SGK Technology Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik	SW 110
8.	Ohgitani Kogyo Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik	SW 110
9.	S.I.S.J Usahaniaga Sdn. Bhd	Buangan Elektronik	SW 110
10.	High Cans Corporation Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik	SW 110
11.	Prestasi Mewah Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik	SW 110

Jadual 2.2

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Senarai Nama Syarikat Pengangkut Buangan Terjadual Yang Dilesenkan, 2009

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 287 pemeriksaan telah dijalankan ke atas punca-punca pengeluar buangan terjadual dan sebanyak sebelas (11) pemeriksaan ke atas kontraktor pengangkut buangan terjadual dan enam (6) kemudahan pemerolehan kembali separa yang dilesenkan. Senarai Syarikat Pemerolehan Kembali Separu Luar Tapak adalah seperti di **Jadual 2.3**. Berdasarkan kepada inventori terkini, sebanyak 8893.134 tan metrik buangan terjadual telah dijana dan dilupuskan pada tahun 2009.

Bil	Nama Kontraktor	Kategori Buangan Terjadual Yang Diproses
1.	Bayu Quantum Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik (SW 110)
2.	SGK Technology Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik (SW 110)
3.	Prestasi Mewah Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik (SW 110)
4.	Ohgitani Kogyo Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik (SW 110)
5.	S.I.S.J Usahaniaga Sdn. Bhd	Buangan Elektronik (SW 110)
6.	High Cans Corporation Sdn. Bhd.	Buangan Elektronik (SW 110)

Jadual 2.3

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Senarai Syarikat Pemerolehan Kembali Separu Luar Tapak Yang Dilesenkan, 2009

Hospital/klinik dan bengkel kenderaan merupakan punca-punca utama yang menghasilkan buangan terjadual di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan masing-masing menghasilkan sebanyak 61 % dan 20.67 % daripada keseluruhan jumlah yang dihasilkan. **Jadual 2.4** menunjukkan jenis industri yang menghasilkan buangan terjadual manakala **Jadual 2.5** menunjukkan kategori atau jenis buangan yang dihasilkan di sepanjang tahun 2009.



*Sesi Taklimat Berkenaan
Sistem Pengurusan Buangan
Terjadual Yang Dihasilkan
Oleh Pihak Industri*

BIL	JENIS INDUSTRI	KUANTITI (MT)
1	Asas Getah	7.614
2	Asas Kertas/Plastik	26.149
3	Asbestos	0.000
4	Automotif/Bengkel	2051.498
5	Berasaskan Kayu	1.845
6	Elektrik & Elektronik	27.284
7	Industri Gas	0.0000
8	Kimia	51.256
9	Klinikal/Farmasi	5002.872
10	Logam/Kejuruteraan	740.216
11	Oleokimia	0.0000
12	Percetakan & Pembungkusan	561.96
13	Petroleum/Petrokimia	0.0000
14	Resin & Adhesive	0.0000
15	Tekstil	0.278
16	LAIN-LAIN	
	Asas Simen	5.646
	Stesen Minyak	55.820
	Bateri	0.000
	Fotografi	0.432
	Janakuasa	0.000
	Kaca	57.033
	Komputer	0.000
	Hotel	7.025
	Industri Gas	0.000
	Lombong	0.000
	Makanan	9.127
	Perkapalan	0.000
	Pembinaan	2.252
	Premis Pydt-Bt	0.000
	Seramik/Jubin/Plaster	97.834
	Tapak Pelupusan Selamat	11.14
	Lain-Lain	175.87
JUMLAH		8,893.134

Jadual 2.4

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Berdasarkan Kepada Jenis Industri, 2009

BIL	JENIS BUANGAN	KUANTITI (MT)
1	Alkali	17.131
2	Asid	1.148
3	Asbestos	0.000
4	Bateri	722.43
5	Bekas-Bekas	161.686
6	Campuran Buangan	58.156
7	Cat/Dakwat	224.891
8	Dros/Sanga/Klinker	8.649
9	E-WASTE	56.765
10	Enapcemar Berasaskan Getah	7.330
11	Enapcemar Galian	0.000
12	Enapcemar Logam Berat	173.545
13	Fotografi	252.030
14	Gypsum	0.000
15	Kertas & Plastik	311.826
16	Klinikal/Farmasi	5012.242
17	Mangkin	0.000
18	Minyak & Hidrokarbon	1679.994
19	Pelarut Terhalogen	126.754
20	Pelarut Tidak Terhalogen	0.000
21	Phenol/Adhesive/Resin	18.695
22	Lain-Lain: Rujuk Lampiran B	56.032
JUMLAH		8,893.134

Jadual 2.5

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kuantiti Buangan Terjadual Yang Dihasilkan Berdasarkan Kepada Jenis Buangan, 2009

TINDAKAN UNDANG-UNDANG : PREMIS PERINDUSTRIAN

AKTA/ PERATURAN	JENIS KESALAHAN	BIL.	JUMLAH KOMPAUN (RM)
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974			
Seksyen 29A	Melakukan pembakaran terbuka	12	14,500.00
PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (UDARA BERSIH) 1978			
Peraturan 36	Membina peralatan bahanapi tanpa kebenaran bertulis	1	500.00
Peraturan 38	Membina cerobong tanpa kebenaran bertulis	5	7,500.00
PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (BUANGAN TERJADUAL) 2005			
Peraturan 8	Gagal melupuskan buangan terjadual di premis yang ditetapkan dan dilesenkan oleh JAS.	4	2,750.00
Peraturan 9(1)	Buangan Terjadual tidak distorkan dalam bekas-bekas yang sesuai iaitu tahan lasak dan yang boleh mencegah pertumpahan atau kebocoran buangan terjadual ke alam sekeliling.	2	4,000.00
Peraturan 9(3)	Bekas-bekas yang mengandungi buangan terjadual tidak ditutup sepanjang penstoran.	1	2,000.00
Peraturan 9(4)	Gagal merekabentuk, membina dan menyelenggara kawasan penyimpanan/penstoran bekas-bekas mengandungi buangan terjadual untuk mencegah buangan terjadual tumpah atau bocor ke alam sekeliling.	6	1,750.00
Peraturan 9(5)	Kuantiti buangan terjadual yang dikumpul adalah melebihi 20 tan metrik.	1	2,000.00
Peraturan 10(2)	Tidak melabelkan bekas-bekas buangan terjadual.	1	-
Peraturan 13	Buangan Terjadual yang diangkut di luar premis pengeluar buangan tidak disertakan dengan maklumat.	1	1000.00
JUMLAH		34	36,000.00

Jadual 2.6

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Jenis Kesalahan, Bilangan Dan Jumlah Kompaun Yang Dikutip, 2009



Jadual 2.7


Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Bilangan Kes Tindakan Mahkamah Dan Denda, 2009



PROGRAM AWASI DAN STATIK

Kawalan pelepasan asap hitam berlebihan daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan melalui Program AWASI (Area Watch And Sanction Inspection) di mana pegawai peronda JAS menjalankan rondaan di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur dengan memerhati dan memeriksa kenderaan berenjin diesel yang mengeluarkan asap hitam berlebihan. Operasi statik juga dijalankan di beberapa lokasi strategik seperti di Plaza Tol Sungai Besi, Plaza Tol Jalan Duta, Plaza Tol Connaught dan lokasi-lokasi lain yang bersesuaian.

Pemilik kenderaan yang didapati gagal mematuhi had pelepasan asap yang telah ditetapkan sebanyak 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) atau dalam unit asap setara yang lain atau dalam peratusan (%) atau unit lain akan dikenakan kompaun maksimum RM 2,000.00 manakala kenderaan yang melebihi 80 HSU akan dikenakan kompaun dan juga Perintah Larangan untuk tidak beroperasi sehingga kenderaan tersebut dibaiki dan lulus ujian semula pelepasan asap hitam. Sepanjang tahun 2009 sebanyak 388 operasi penguatkuasaan secara rondaan, operasi catat dan operasi statik telah dijalankan. Hasil operasi tersebut sejumlah 23,916 kenderaan berenjin diesel dibuat pemerhatian di mana 437 buah daripadanya telah diperiksa dan diuji dengan menggunakan meter asap. Daripada jumlah tersebut, 268 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun kerana gagal mematuhi had ketumpatan maksimum asap 50 HSU atau 48.5 %, manakala 236 buah kenderaan telah dikenakan Perintah Larangan untuk tidak beroperasi sehingga dibaiki dan lulus ujian semula pelepasan asap hitam oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Peratus pematuhan keseluruhan adalah sebanyak 98.88 %.



Rajah 2.1
Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Bilangan Kenderaan Yang Dikompaun Mengikut Jenis, 2009

OPERASI CATAT (OPS CATAT) / VIDEO KAMERA



Bagi mengatasi masalah keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai penguatkuasa telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik seperti berdekatan persimpangan jalan, di atas jejambat, perhentian bas serta jalan masuk dan keluar bandaraya untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan yang melepaskan asap hitam berlebihan dengan menggunakan kamera video.

Modern Technology

Owes Ecology

An Apology.

~ Alan M. Addison

Maklumat pemilik kenderaan seterusnya diperolehi melalui JPJ Link dan disusuli dengan pengeluaran Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 10 hari dari tarikh yang ditetapkan. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 189 operasi catat dan video telah dijalankan, 277 buah kenderaan di bawah pemerhatian untuk tindakan dan sebanyak 199 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

OPERASI BERSEPADU

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2008, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 13 operasi bersama DBKL yang dikenali dengan Operasi KAPAS, lima (5) operasi bersepadu bersama JPJ dan PDRM dan tiga (3) operasi bersama Polis Trafik, Putrajaya.

• *There is a sufficiency in the world for man's need but not for man's greed.*

~ Mohandas K. Gandhi



NOTIS ARAHAN SEMULA

Notis Arahan Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Di samping itu, sebanyak 392 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan berenjin diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan melalui operasi rondaan dan aduan orang awam. Pemilik kenderaan yang diberi Notis Arahan tersebut dikehendaki membawa kenderaan mereka untuk menjalani ujian pelepasan asap hitam oleh Jabatan Alam Sekitar dan jika gagal mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

UJISEMULA

Pemilik kenderaan motor yang telah ditawarkan kompaun dan diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah dikehendaki membawa kenderaan untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana pejabat Jabatan Alam Sekitar yang berhampiran. Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjalankan program ujisemula di lokasi berhadapan Stadium Lumba Basikal (Velodrom), Bandar Tun Razak, Cheras. Operasi ujian semula dijalankan pada setiap hari Isnin serta Rabu untuk kenderaan berenjin diesel dan pada hari khamis untuk kenderaan berenjin petrol bermula jam 10.00 pagi – 11.00 pagi pada hari bekerja.

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 1086 buah kenderaan telah datang untuk menjalani ujian semula di lokasi yang ditetapkan. Sebanyak 849 telah lulus ujian semula dan 237 kenderaan pula telah gagal ujian untuk kali pertama. Terdapat juga kenderaan yang hadir menjalani ujian asap secara sukarela bagi memastikan kenderaan mereka tidak melepaskan asap hitam yang berlebihan.



KAWALAN PELEPASAN ASAP DI HENTIAN BAS AWAM



Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas tujuh (7) buah hentian bas awam sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Hentian Puduraya, Hentian Putra, Hentian Duta, Hentian Pasarama Kota, (Klang Bus Stand), Hentian Pasar Rakyat, Hentian Pekeliling dan juga Hentian KL Sentral. Di bawah Peraturan ini, menyatakan bahawa *tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada tiga (3) minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian*. Sebanyak 159 lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut sepanjang tahun 2009 dan sebanyak 7006 buah bas telah dipantau. Daripada jumlah pemantauan tersebut, 23 kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan bas yang didapati telah melanggar had tempoh masa selama lebih tiga (3) minit yang dibenarkan.


KAWALAN PELEPASAN GAS KENDERAAN BERENJIN PETROL

Pada tahun 2009, 84 operasi penguatkuasaan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 telah dilaksanakan. Daripada operasi tersebut sejumlah 759 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). 13 buah daripada kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut.

Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan dikehendaki menyelenggara suatu kemudahan yang diluluskan dan hendaklah menjalankan ujian asap hitam ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping ujian asap hitam setiap enam (6) bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Lawatan penguatkuasaan ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) atau individu/syarikat yang memiliki atau mengendalikan 10 buah atau lebih kenderaan motor berenjin diesel adalah bertujuan bagi mengawal pencemaran udara di peringkat punca (at source).


Sejumlah 85 lawatan telah dijalankan ke atas 80 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebanyak 10 Notis dan satu (1) kompaun telah dikeluarkan kepada pengusaha Pengendali Berkumpulan kerana gagal mematuhi Peraturan-Peraturan yang ditetapkan.



KAWALAN TERHADAP KEMUDAHAN YANG DILULUSKAN

Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu kemudahan, tempat atau bengkel yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menyediakan kemudahan menjalankan ujian pelepasan daripada kenderaan motor samada berenjin diesel atau petrol atau kedua-duanya sekali. KYDL dilengkapi dengan meter pengukuran asap yang berkenaan dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Bagi tahun 2009, sebanyak empat (4) buah premis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diberi kelulusan sebagai KYDL iaitu:

- i. PUSPAKOM Wangsa Maju,
- ii. PUSPAKOM Cheras,
- iii. PUSPAKOM Bukit Maluri; dan
- iv. Alam Flora Sdn. Bhd.



Lawatan penguatkuasaan telah dijalankan sebanyak dua (2) kali setahun ke atas setiap KYDL dan satu (1) lawatan audit untuk tujuan perlanjutan sijil pengiktirafan oleh Jabatan Alam Sekitar.

KAWALAN PENGURUSAN REFRIGERAN



Operasi Penguatkuasaan bagi memahami kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Sebanyak 27 pusat servis penghawa dingin kenderaan telah dilawati dan 2 operasi penguatkuasaan ke atas kenderaan telah dijalankan pada tahun 2009.

Melalui program tersebut didapati kesemua 27 pusat servis penghawa dingin kenderaan telah patuh dan sebanyak 10 buah kenderaan daripada 240 buah kenderaan yang telah diuji dengan menggunakan "Refrigerant Identifier" didapati telah gagal dan Surat Arahan telah dikeluarkan kepada pemilik kenderaan supaya mematuhi peraturan di atas.

KAWALAN KANDUNGAN PETROL DAN LESEN

Aktiviti program bermula pada 1 September 2009. Sebanyak 10 sampel telah diperuntukkan kepada Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk program persempelan di stesen pam minyak. Penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 3 stesen pam minyak dan sebanyak 10 sampel telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Hasil analisa yang dijalankan didapati kesemua sample tersebut telah mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) 2007.

PENYEDIAAN BUKU LOG PELEPASAN GAS KENDERAAN

Ativiti program ini adalah mematuhi Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 iaitu keperluan penyediaan buku log untuk merekod keputusan ujian pelepasan gas dari kenderaan berenjin petrol, sebanyak 6 premis telah dilawati pada tahun 2009.

Pada peringkat awal penguatkuasaan adalah tertumpu ke atas premis yang mengendalikan kenderaan perdagangan. Hasil daripada penguatkuasaan yang dijalankan didapati kesemua premis yang dilawati telah mematuhi peraturan di atas.

PENGUATKUASAAN BUNYI BISING MOTORSIKAL

Penguatkuasaan bunyi bising motosikal dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan ini tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising motosikal. Operasi penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Jabatan Pengangkutan Jalan.

Sepanjang tahun 2009, dua puluh dua (22) operasi penguatkuasaan bersama-sama PDRM telah dijalankan dan sebanyak 3031 buah motosikal telah diperiksa. 91 darinya telah diuji menggunakan peralatan ujian bunyi bising dan 47 didapati gagal mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Kompau ke atas pemilik motosikal telah dikeluarkan oleh PDRM atas kesalahan membuat pengubahsuaian ke atas motosikal.



PENGUATKUASAAN BUNYI BISING KERETA



Penguatkuasaan bunyi bising kereta dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan ini tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising kereta. Operasi penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Perbadanan Putrajaya. Sepanjang tahun 2009, lima (5) operasi penguatkuasaan bersama-sama PDRM dan Perbadanan Putrajaya telah dijalankan dan sebanyak 141 buah kereta telah diperiksa. 141 darinya telah diuji menggunakan peralatan ujian bunyi bising dan 5 didapati gagal mematuhi piawaian yang telah ditetapkan. Kompau ke atas pemilik kereta telah dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987.

KAWALAN PELEPASAN GAS DARIPADA MOTORSIKAL

Pada tahun 2009, 5 operasi penguatkuasaan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003, telah dijalankan. Daripada operasi tersebut, sebanyak 132 motosikal telah diuji pelepasan Karbon Monoksida (CO). Tiga Puluh Dua (32) daripada motosikal yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan.




*Because we don't think
about future generations,
they will never forget us.*

~ Henrik Tikkanen

ADUAN

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 347 kes aduan pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 342 kes yang diterima pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 1.46%. Peningkatan aduan yang diterima adalah disebabkan oleh peningkatan kesedaran dikalangan orang ramai mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dengan berkurangnya tindakan orang ramai dalam melakukan pencemaran terhadap alam sekitar. **Rajah 2.2** menunjukkan statistik aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semenjak tahun 1995.



Rajah 2.2

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tren Jumlah Aduan Yang Diterima 2000 - 2009



Pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 272 (78.38%) kes, diikuti dengan 28 (8.06%) kes pencemaran bau, 22 (6.34%) kes pencemaran bunyi bising, 10 (2.88%) kes pencemaran air, 6 (1.72%) kes pencemaran kimia serta 9 (2.59%) kes lain yang dikategorikan sebagai aduan umum seperti di dalam **Jadual 2.8**.



Daripada 272 kes aduan pencemaran udara yang diterima, 245 kes adalah aduan pembakaran terbuka, 15 pelepasan asap hitam daripada kenderaan, 11 kes aduan habuk dan 1 kes pelepasan asap hitam daripada kilang.

ADUAN PENCEMARAN	BILANGAN ADUAN	%	JENIS ADUAN/ PENCEMARAN	PECAHAN
UDARA	272	78.38	Pembakaran Terbuka	245
			Asap Hitam Premis Kilang	1
			Asap/Asap Hitam Kenderaan	15
			Habuk	11
BAU	28	8.06	Bau Busuk Kumbahan/ Sampah	0
			Bau Busuk Kimia	28
BUNYI BISING	22	6.34	Kilang	0
			Tapak Binaan	15
			Premis/Lain-lain	7
AIR	10	2.88	Effluen Industri	0
			Kumbahan Domestik	10
KIMIA	6	1.72	Pembuangan Kimia	3
			Minyak Hitam	3
ADUAN UMUM	9	2.59	Umum	9
JUMLAH BESAR	347	100		347

Jadual 2.8

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Jumlah Aduan Dan Pecahan Aduan Yang Diterima Dari 1 Januari 2009 Sehingga 31 Disember 2009




OPERASI MENCEGAH PEMBAKARAN TERBUKA

Sebanyak 730 rondaan Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka telah dijalankan sepanjang tahun 2009. Bilangan rondaan yang meningkat adalah rondaan yang melibatkan Unit Cegah Pembakaran Terbuka, Unit aduan dan Petugas-Petugas Bilik Kawalan JAS WPKL. Daripada jumlah rondaan tersebut, kebanyakan rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rondaan di Wilayah persekutuan Kuala Lumpur tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai zon larangan pembakaran terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pada tahun 2009, sebanyak 122 kes pembakaran terbuka telah dikesan. Pecahan jenis kawasan pembakaran terbuka adalah seperti dalam **Rajah 2.3**. Daripada 122 kes pembakaran terbuka yang telah dikesan, 11 kes telah dikenakan kompaun dan tiada kes pembakaran terbuka dikenakan tindakan mahkamah seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Daripada jumlah 11 kompaun yang telah dikeluarkan, 6 kompaun telah ditawarkan kepada pemaju/kontraktor projek pembinaan dan 5 kompaun lagi telah ditawarkan kepada pihak industri dan premis-premis lain. Sementara itu, sebanyak 7 kes pembakaran terbuka yang dikesan adalah di kawasan tapak pelupusan sampah haram dan telah dirujuk kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tindakan susulan.

PECAHAN JENIS KAWASAN PEMBAKARAN TERBUKA



Rajah 2.3

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Pecahan jenis kawasan pembakaran terbuka



BAB 3

BAHAGIAN PEMBANGUNAN




PEMROSESAN LAPORAN EIA

Pada tahun 2009, JAS WPKL telah menerima dan memproses 1 Laporan Awal EIA yang dikemukakan oleh pihak perunding. Walau bagaimanapun projek tersebut tidak tertakluk kepada perintah EIA.

PROGRAM PENGUATKUASAAN EIA

Terdapat 50 projek EIA dan 5 projek pembangunan yang tidak tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 yang masih dipantau oleh JAS WPKL sehingga bulan Disember 2009.

Daripada keseluruhan 55 projek tersebut, hanya 10 projek masih di peringkat pembinaan. Sebanyak 45 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 14 projek yang masih dipantau termasuk yang telah beroperasi dan yang belum memulakan pembinaan. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut, sebanyak (10) Notis Arahan dan (14) Surat Arahan telah dikeluarkan. Tiada kompaun yang dikeluarkan bagi tahun 2009.



Rajah 3.1

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:
Tindakan Penguatkuasaan EIA



KEBENARAN BERTULIS BAHAN API DAN KAWALAN

Unit ini menjalankan fungsi untuk memproses semua permohonan Kebenaran Bertulis (KB) bagi pemasangan Loji Pengolahan Effluen yang baru atau mempertingkatkan Sistem/Loji Pengolahan Effluen yang sedia ada dan pemasangan sistem perangkap minyak di stesen-stesen minyak sebagaimana yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979. Unit ini juga turut memproses permohonan Kelulusan Bertulis untuk pemasangan alat pembakaran bahanapi (APB) seperti dandang, janakuasa dan peralatan-peralatan kawalan pencemaran udara seperti 'Scrubber', Cerobong, 'Spray Booth' dan 'Dust Collector' seperti yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Bagi tahun 2009, sebanyak 9 kes permohonan Kebenaran Bertulis (KB), dan 139 permohonan Alat Pembakaran Bahanapi (APB) telah diterima dan diproses. Manakala bagi permohonan Alat Kawalan (AK) sejumlah 33 permohonan telah diterima dan diproses. Selain itu, sebanyak 1 kes permohonan Kebenaran Bertulis (KB) di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi menjalankan aktiviti 'partial recovery' telah diterima dan diproses. Status permohonan Kebenaran Bertulis, Alat Pembakaran Bahanapi dan Alat Kawalan yang diterima dan diproses pada tahun 2009 bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah seperti ditunjukkan di dalam **Jadual 3.1** dan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti **Jadual 3.2**.

PERMOHONAN ALAT PEMBAKARAN BAHANAPI (APB)				
BIL	JENIS PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN		
		TERIMA	LULUS	TOLAK
1.	Janakuasa (Gen-Set)	9	9	-
2.	Chiller	-	-	-
JUMLAH		9	9	-

NOTA : * Tiada permohonan diterima bagi Alat Kawalan (AK) dan Kebenaran Bertulis (KB) di Putrajaya.

Jadual 3.1

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Status Permohonan KB/APB/AK Mengikut Jenis Yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, 2009

PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS (KB)				
BIL.	JENIS PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN		
		TERIMA	LULUS	TOLAK
1.	Loji Pengolahan Effluen			
	- Loji Baru	7	4	3
	- Up-Grading Loji	2	2	-
2.	Partial Recovery	1	1	-
JUMLAH		10	7	3
PERMOHONAN ALAT PEMBAKARAN BAHANAPI (APB)				
1.	Janakuasa (Gen-Set)	120	103	17
2.	'Burner - Spray Booth'	6	4	2
3.	Oven	5	3	2
4.	Boiler	8	5	3
JUMLAH		139	115	24
ALAT KAWALAN (AK)				
1.	Spray Booth	15	12	3
2.	Oil Interceptor	8	7	1
3.	Scrubber	2	2	-
4.	Fume Hood	3	3	-
5.	Dust Collector	4	2	2
6.	Siklon	1	1	-
JUMLAH		33	27	6

Jadual 3.2


Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Status Permohonan KB/APB/AK Mengikut Jenis Yang Diproses Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2009

PENILAIAN AWAL TAPAK (PAT)

Unit ini menjalankan fungsi untuk memproses dan memberi ulasan kepada permohonan premis dan projek pembangunan yang tidak tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Permohonan yang dirujuk untuk ulasan Jabatan ini boleh dibahagikan kepada beberapa aktiviti seperti cadangan pembinaan kilang baru, pemasangan loji pembancuh konkrit, pembinaan stesen minyak, gudang, bengkel dan aktiviti-aktiviti lain. Selain daripada itu unit ini juga akan memberi ulasan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) terhadap sesuatu perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Asas penting yang diambil kira adalah untuk memastikan setiap keputusan yang dibuat menepati kehendak dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dan seterusnya dapat mengawal impak negatif terhadap orang awam dan alam sekitar. Permohonan yang diterima akan disemak dan diteliti daripada semua aspek terutamanya dari segi kesesuaian tapak dan langkah-langkah kawalan pencemaran alam sekitar yang akan dilaksanakan. Jabatan ini sentiasa merujuk kepada garispanduan-garispanduan yang disediakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar terutamanya kepada '*Guidelines on Siting and Zoning of Industries*' dan beberapa garispanduan lain sebagai asas di dalam membuat keputusan.

Bagi tahun 2009, status bilangan kes permohonan PAT yang diterima mengikut jenis permohonan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seperti di **Rajah 3.2**



	Loji Membancuh Simen	Perkilangan	Projek-Projek DBKL	Gudang	Pengumpul Barangan Lusuh	Universiti
■ Terima	10	7	10	2	1	2
■ Lulus	5	3	8	1	0	1
■ Tolak	5	4	2	1	1	1

Rajah 3.2

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Status Permohonan Penilaian Awal Tapak (PAT) Yang Diproses, 2009

STATUS KUALITI ALAM SEKELILING

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menjalankan kerja-kerja pengawasan status kualiti alam sekeliling untuk memantau serta mengenalpasti sebarang perubahan kepada alam sekeliling. Data-data dan input-input yang diperolehi ini disalurkan kepada Bahagian Operasi bagi tujuan penguatkuasaan dan pencegahan pencemaran di samping meningkatkan kualiti alam sekeliling.

Pengawasan kualiti alam sekeliling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terbahagi kepada 3 kategori iaitu pengawasan kualiti air sungai, pengawasan kualiti air tanah dan pengawasan kualiti udara.

KUALITI AIR SUNGAI


Pada tahun 2009, terdapat penambahan enam (6) stesen pengawasan kualiti air sungai hasil daripada program penyelarasan semula stesen pengawasan kualiti air sungai yang dilaksanakan bersama pihak Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) Terdapat tujuh belas (17) stesen pengawasan kualiti air sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan lapan (8) batang sungai iaitu Sungai Gombak, Sungai Klang, Sungai Keroh, Sungai Jinjang, Sungai Batu, Sungai Kerayong, Sungai Kuyoh dan Sungai Bunus sepertimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 3.3 dan Rajah 3.3**. Secara keseluruhannya, Tren Indek Kualiti Air Negara (IKAN) bagi tahun 2002 hingga 2009 menunjukkan semua stesen pengawasan dikategorikan sebagai sedhana tercemar dan tercemar seperti **Rajah 3.4**.




BIL	JENIS STESEN	NO. STESEN	SUNGAI	LOKASI
1	Manual	3016607	Klang	Jambatan di Petaling Bahagia
2		3116630	Klang	Jambatan berhampiran Bangunan Sultan Sulaiman
3		3117610	Klang	Jambatan Jalan Dang Wangi
4		3117605	Klang	Jambatan Kampung Dato' Keramat
5		3016623	Kuyoh	Jambatan di Batu 7½, Puchong
6		3016625	Kerayong	Jambatan Batu 8, Klang Lama
7		3116626	Gombak	Jambatan di Perhentian Bas Pekeliling, Jalan Tun Razak
8		3217619	Gombak	Jambatan di Kampung Padang Balang
9		3116604	Batu	Jambatan di Jalan Kasipillay
10		3116620	Keroh	Berhampiran Bulatan Segambut
11		3216621	Jinjang	Jambatan di Sekolah Kebangsaan Batu
12		1K25	Klang	Jambatan berhadapan Menara Mutiara Bangsar, Bangsar
13		1K26	Kerayong	Jambatan di LRT Pandan Indah
14		1K27	Bunus	Berhampiran Menara NAZA, Jalan Raja Abdullah
15		1K28	Batu	Point 3, Ulu Yam
16		1K29	Jinjang	Tebatan Banjir Sungai Jinjang, Taman Wahyu
17		1K30	Keroh	Jambatan Balai Polis Kepong
18	Automatik		Jinjang	Asrama Anak-Anak Yatim, Kg. Batu, Bt 5, Jalan Ipoh

Jadual 3.3


Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Stesen- Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2009





Rajah 3.4

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tren Indeks Kualiti Air Negara (IKAN) Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Air Sungai Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2009



Rajah 3.5

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Status Kualiti Air Sungai Mengikut Jenis Aktiviti, 2009

KUALITI AIR TANAH

Pada tahun 2009, kerja-kerja pemantauan kualiti air tanah telah dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi kesemua 6 telaga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kedudukan dan bilangan telaga adalah seperti **Jadual 6.2**. Parameter-parameter yang dianalisa adalah logam berat, bahan kimia organik meruap (VOCs), jumlah keliatan (CaCO₃), jumlah pepejal terampai (TDS), sebatian berfenol (phenolic compound), racun makhluk perosak (pesticide), koliform dan bacaan in-situ iaitu pH, suhu, konduktiviti, kekeruhan dan oksigen terlarut (DO).

BIL.	LOKASI	BILANGAN TELAGA
1.	Tapak Pelupusan Sampah Taman Beringin	2
2.	Tapak Pelupusan Sampah Sungai Besi	3
3.	Royal Golf Selangor Club	1

Jadual 3.4

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Lokasi Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2009

Kebangsaan (Revised December 2000) seperti ditunjukkan di **Jadual 3.5**. Secara keseluruhan telaga-telaga yang dipantau, didapati 33.3 % melebihi nilai yang boleh diterima bagi Arsenik (As), 58.3 % bagi Besi (Fe), 66.4 % bagi Manganam (Mn) seperti **Rajah 3.6**.




Bil.	Parameter	Nilai Boleh Terima
1	Koliform	Tidak boleh dikesan bagi sampel 100ml
2	Sulfat	250 mg/l
3	Klorida	250 mg/l
4	Keliatan (CaCO_3)	500 mg/l
5	Sebatian Berfenol	0.002 mg/l
6	Nitrat	10 mg/l
7	Jumlah Pepejal Terlarut	1000 mg/l
8	Besi (Fe)	0.3 mg/l
9	Manganam (Mn)	0.1 mg/l
10	Kuprum	1.0 mg/l
11	Kromium (Cr)	0.05 mg/l
12	Plumbum (Pb)	0.01 mg/l
13	Zink (Zn)	3.0 mg/l
14	Kadmium (Cd)	0.003 mg/l
15	Arsenik (As)	0.01 mg/l
16	Raksa (Hg)	0.001 mg/l
17	Selenium (Se)	0.01 mg/l

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia

Jadual 3.5

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Nilai Yang Boleh Diterima Untuk Kualiti Air Mentah Malaysia (Garis panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan)




Rajah 3.6

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Kualiti Air Tanah (Peratusan Parameter Yang Melempi Nilai Yang Boleh Terima) Bagi Telaga Air Tanah Di Lembah Klang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2009

KUALITI AIR UDARA

Program pengawasan kualiti udara di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijalankan oleh pihak Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. (ASMA) sejak Ogos 1995.

Dua (2) buah stesen pengawasan udara automatik yang beroperasi secara automatik 24 jam telah ditempatkan di Sekolah Menengah Sri Permaisuri, Cheras dan Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Kuala Lumpur untuk pemantauan kualiti udara dan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Kuala Lumpur. Manakala dua (2) buah stesen pengawasan kualiti udara menggunakan alat High Volume Sampler (HVS) bagi percontohan habuk terampai (TSP) dan kandungan Plumbum (Pb) ditempatkan di Pejabat Pos Pudu, Kuala Lumpur dan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur seperti di **Jadual 3.6**. Pada tahun 2009, status kualiti udara (IPU) didapati berada pada tahap sihat (99 hari), sederhana (243 hari) dan tidak sihat (23). Sila lihat **Rajah 3.7**.



Jadual 3.6

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Stesen-Stesen Pengawasan Kualiti Udara Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2009




Rajah 3.7

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Bilangan Hari Indeks Pencemaran Udara (IPU) (Purata) Di Lembah Kelang/Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2009

AKTIVITI PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran alam sekitar untuk menyampaikan maklumat berkaitan undang-undang alam sekitar dengan tujuan meningkatkan kesedaran pelajar sekolah dan orang awam mengenai kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah ceramah, pameran dan kem kesedaran alam sekitar (KeKAS).



Rajah 3.8

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Aktiviti Kesedaran Alam Sekitar Yang Telah Dijalankan Oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sepanjang Tahun 2009.

BIL	TARIKH	KEKAS	TEMPAT/SEKOLAH
1	17-19/4/2009	SMK Raja Ali	Deerland Park, Lanchang, Pahang
2	8-10/6/2009	SMK Dato' Ibrahim Yaacob	Pulau Perhentian, Terengganu
3	19-21/6/2009	SBP Integrasi Gombak	Pulau Redang, Terengganu
4	14-16/8/2009	SMK Convent Bukit Nanas	El-Azzhar Camp Morib, Selangor

Jadual 3.7

Senarai sekolah yang telah terpilih untuk melaksanakan aktiviti KeKAS sepanjang tahun 2009.

SAMBUTAN MINGGU ALAM SEKITAR (MASM)

Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Matlamat utama Sambutan Minggu Alam Sekitar (MASM) adalah untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

BIL.	TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
1	25-27/7/2009	KeKAS Belia	Teluk Skadas, Pulau Pangkor, Perak
2	12/8/2009	Seminar Penggunaan Sistem BLESS	Hotel Maluri, KL
3	27/10/2009	Seminar Pengurusan dan Pengendalian Buangan Terjadual dan Pengiktirafan Sebagai KYDL	Seminar Room 1, Menara PGRM
4	2/4/2009	Taklimat Promosi SLAAS	Dewan Ibnu Sina Pusat Sains Negara
5	11/7/2009	Seminar Penyediaan Dokumen SLAAS	Dewan Dato' Sheikh Shawalludin, SMK Dato; Ibrahim Yaacob

Jadual 3.8

Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sempena sambutan MASM 2009 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 105 program latihan telah dihadiri oleh kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah ini adalah merangkumi kursus, bengkel, seminar dan taklimat. Objektif program latihan yang diadakan untuk memantapkan ilmu pengetahuan serta meningkatkan kualiti kerja kakitangan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain program latihan, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga menganjurkan sejumlah 16 sesi kolokium di dalam Jabatan yang berbentuk ceramah, taklimat dan latihan teknikal kepada semua pegawai. Para penceramah terdiri daripada wakil-wakil agensi Jabatan yang berkaitan dan juga pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah menghadiri kursus dalam bidang tertentu.



RAKAN ALAM SEKITAR



Kempen Kitar Semula E-Waste Sempena Program Rakan Alam Sekitar Bersama Ahli Parlimen Setiawangsa, Dato' Seri Zulhasnan Rafique.

Program yang mempunyai unsur-unsur pemantauan, pelaksanaan dan maklumbalas keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan dan enitikberatkan penglibatan secara hands-on atau fizikal oleh anggota masyarakat secara keseluruhan.

Objektif program RAS adalah :

- memberi kesedaran alam sekitar di setiap lapisan masyarakat;
- menanamkan rasa tanggungjawab di kalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar yang dikongsi bersama; dan
- menyediakan saluran yang tepat bagi masyarakat untuk membuat aduan dan pandangan mengenai alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan berkenaan.

Sempena Program RAS, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membuat Pelancaran Kempen Kitar Semula E-Waste di dua Parlimen yang terpilih iaitu Parlimen Setiawangsa dan Parlimen Putrajaya.



JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TINGKAT 1-2, WISMA SCA
NO. 3, JALAN SUNGAI BESI
57100 KUALA LUMPUR

NO. TEL. : 03-92215543
NO. FAKS : 03-92216437
E-Mail : wpkl@doe.gov.my
Talian Aduan : 03-92218575
Faks Aduan : 03-92232319

Pasukan Rondaan : 0192708698 / 0192123902